



# SIARAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA  
KELANTAN



UNTUK SIARAN SEGERA

15 Mei 2023 (Isnin)

BILANGAN 8/2023(KELANTAN)

**MAKLUMBALAS MENGENAI PENYELUDUPAN DADAH DARI THAILAND KE  
MALAYSIA : JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA KELANTAN MEMATAHKAN  
PENYELUDUPAN DADAH.**

1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan telah berjaya mematahkan penyeludupan pelbagai jenis dadah sepanjang 5 tahun kebelakangan ini. Mulai tahun 2019 hingga 2023 sebanyak **271,305.00 biji Methamphetamine** yang bernilai **RM2,705,180.00** dan ganja mampat sebanyak **248 kilogram yang bernilai RM620,000.00** telah berjaya dirampas oleh pihak jabatan. Jumlah rampasan keseluruhan adalah sebanyak **RM3,325,180.00**.
2. Semua rampasan tersebut telah dilakukan sepanjang 5 tahun kebelakang dan melibatkan lokasi dan kawasan yang berbeza. Sebanyak 8 kes yang telah berjaya di tumpaskan oleh JKDM Kelantan.
3. Hasil risikan dan siasatan yang telah dilakukan, setiap kes yang diperolehi mendapati dadah-dadah tersebut dibawa masuk melalui sempadan negara di atas permintaan semasa. Ini bermakna dadah tersebut akan dibawa masuk ke dalam negara jika ada permintaan dari pelanggan sahaja.
4. JKDM Kelantan sentiasa meningkatkan pemantauan dan rondaan serta risikan di semua pintu masuk dan sepanjang sempadan negara bagi mengekang penyeludupan ini.

5. Pihak jabatan tidak akan berkompromi dengan aktiviti penyelupan yang berlaku dan kepada sesiapa yang telah melakukan kesalahan akan di ambil tindakan tegas mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.
6. Tindakan tegas dan pendakwaan mahkamah akan dilaksanakan bagi mereka yang didapati bersalah dalam melakukan kegiatan penyeludupan ini. Pihak jabatan juga sentiasa bekerjasama dengan semua agensi penguatkuasaan di sempadan bagi membanteras penyeludupan dadah yang masuk ke dalam negara.
7. Sehubungan dengan itu, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut. Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi kehilangan hasil, malah turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.
8. JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi **Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855** atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri. Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Sekian, terima kasih.

**TUAN WAN JAMAL ABDUL SALAM BIN WAN LONG**

**Pengarah Kastam Negeri**

**Kelantan**

**15 Mei 2023**